

# BERITA HARIAN

## Pemeriksaan komuniti menerusi teknologi digital

Mei 17, 2023 @ 10:00am



Akses kepada perkhidmatan internet yang pantas proaktif dan berdaya harap tidak seharusnya tersedia kepada individu mereka yang tinggal serta bekerja atau menjalankan perniagaan di bandar-bandar besar sahaja.

Dalam pembentangan Belanjawan 2023, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan kepentingan kesalinghubungan internet yang pantas dan berdaya harap proaktif kepada rakyat, dengan menyatakan bahawa ia harus serta mampu diakses oleh semua golongan kerana ia menjadi aspek penting dalam kehidupan moden.

Kajian yang dijalankan Jabatan Statistik Malaysia pada tahun 2021 mendapati, 95.5 peratus isi rumah di Malaysia sudah memiliki hubungan internet.

Namun daripada jumlah itu, hanya 41.2 peratus memiliki kesalinghubungan internet jalur lebar tetap yang pantas dan berdaya harap.

Meskipun kebanyakan isi rumah memiliki hubungan internet menerusi jalur lebar mudah alih (94 peratus), pengguna berdepan isu seperti prestasi dan kelajuan yang tidak stabil disebabkan lokasi dan serta jumlah pengguna di sesuatu tempat, selain faktor had penggunaan data.

Antara batu penghalang halangan bagi menghubungkan isi rumah di kawasan pinggir dan luar bandar dengan kesalinghubungan jalur lebar gentian optik ialah pelaburan tinggi yang diperlukan untuk menyediakan infrastruktur diperlukan.

Allo Technology Sdn Bhd sebagai anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyediakan solusi untuk penyediaan infrastruktur jalur lebar yang merangkumi kos dan berkelajuan tinggi, berkesan kos dan pantas.

Menerusi rangkaian gentian optik milik TNB di Semenanjung Malaysia, Allo berupaya menyediakan kesalinghubungan jalur lebar gentian optik berkelajuan tinggi yang pantas

dan berdaya harap di kawasan terpinggir yang mungkin menelan kos tinggi untuk dilakukan pihak lain.

Usaha ini berupaya untuk merapatkan jurang digital dan memperkasakan rakyat Malaysia di kawasan pinggir dan luar bandar menerusi pelbagai aspek termasuk pembangunan ekonomi digital, pendidikan dan pembangunan komuniti.

### **Kesalinghubungan untuk memacu pacu ekonomi digital yang inklusif**

Dengan kemajuan teknologi digital yang semakin rancak, ekonomi digital akan menjadi tulang belakang kepada landskap ekonomi moden.

Justeru, adalah penting untuk memacu pertumbuhan ekonomi digital di Malaysia dan memastikan penyertaan yang inklusif oleh segenap semua golongan masyarakat dalam ekosistem ekonomi digital.

"Penyertaan dalam ekonomi digital menjadi semakin mudah dengan hubungan internet yang berdaya harap," kata Muhammad Azli Ibrahim.

Sementara itu, pengguna internet, Muhammad Azli Ibrahim, berkata penyertaan dalam ekonomi digital menjadi semakin mudah dengan hubungan internet yang berdaya harap.

Katanya, menerusi rangkaian internet jalur lebar gentian optik Allo, isteri beliau berupaya menjalankan perniagaan secara dalam talian dari rumah mereka di Kulim, Kedah.

Azli berkata, "Kesalinghubungan digital amat penting untuk perniagaan dalam talian kerana ia menyediakan platform untuk transaksi digital.

"Kami kini mampu berurusan dengan pelanggan di pasaran yang lebih luas menerusi internet." katanya.

Seiring dengan kejayaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), Malaysia terus berusaha kini semakin mara ke hadapan dalam usaha meningkatkan mutu dan capaian infrastruktur gentian optik.

Allo turut berbangga menjadi sebahagian daripada inisiatif JENDELA untuk meluaskan capaian jalur lebar gentian optik, terutamanya di kawasan pinggir dan luar bandar, dengan rangkaian gentian optik Allo di Melaka, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur dan Johor.

Menerusi solusi kesalinghubungan yang pantas dan berdaya harap pada harga berpatutan, Allo tekad untuk menyokong transformasi digital bagi komuniti di pinggir dan luar bandar serta membuka peluang kepada perkembangan teknologi terkini.